



*Siaran*  
**AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNTUK SIARAN SEGERA:

MOD.100-2/1/2 JLD 2 - ( ) 03/08

**TERIMA KASIH ATAS TEGURAN  
TAPI JANGAN SAMPAI MEMFITNAH**

Saya berterima kasih kepada sesiapa sahaja yang mengkritik, menegur bahkan mengecam prestasi saya sebagai Menteri Pertahanan Malaysia.

Saya menerima kritikan daripada bekas Perdana Menteri, bekas Menteri Pertahanan dan bekas Menteri Belia dan Sukan baru-baru ini terhadap saya dan Kementerian Pertahanan sebagai satu teguran untuk menilai dan memperbaiki prestasi serta kesungguhan untuk menerajui kementerian ini.

Akan tetapi saya tidak boleh terima sekiranya fitnah atau unsur fitnah dilemparkan terhadap saya.

Kritikan dan pandangan sinis adalah perkara biasa yang perlu kita ambil perhatian sebagai menteri atau sebagai pemimpin kepada satu organisasi yang besar.

YB MOHAMAD SABU,  
MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

-TAMAT-

**'PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA'**

---

11 Ogos 2018